

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 13/03/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional 45

Tajuk : Angkasa : Lebih Ruang Kepada Wanita

## Angkasa: Lebih ruang kepada wanita

**KUALA LUMPUR 12 Mac** - Perwakilan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berharap lebih ruang diperuntukkan kepada wanita dan belia dalam kepemimpinan badan koperasi tersebut.

Perkara itu merupakan antara cadangan yang dikemukakan dalam Persidangan Angkasa Peringkat Negeri Selangor yang berlangsung hari ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, cadangan itu wajar memandangkan jumlah keahlian golongan itu begitu besar dalam gerakan koperasi.

Beliau malah berkata, Pindaan Undang-Undang Kecil Angkasa bagi tujuan itu telah diluluskan di Persidangan Kebangsaan Angkasa tahun lalu dan pihaknya ketika ini sedang menunggu kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

"Apabila pindaan undang-undang kecil itu diluluskan nanti



**ABDUL FATTAH ABDULLAH** (dua dari kanan) bersama wakil koperasi negeri Selangor dalam Persidangan Angkasa peringkat negeri di Auditorium Angkasa, Kelana Jaya, Selangor, semalam. - UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN SHAH

maka mereka akan ada lebih banyak ruang dan sekali gus membolehkan Angkasa melantik mereka mengikut sektor tertentu.

"Ketika ini, mereka tidak boleh dilantik kerana masih tertakluk kepada peraturan yang lama," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar Persidangan Angkasa peringkat negeri di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pega-

wai Eksekutif Kumpulan Angkasa, Nasir Khan Yahaya.

Persidangan yang dihadiri seramai 443 perwakilan yang merupakan kepimpinan koperasi seluruh negeri Selangor tersebut bertujuan memberi peluang kepada ahli-ahli koperasi untuk membincangkan pencapaian serta hala tuju Angkasa dan gerakan koperasi secara keseluruhan.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA